

# PANDUAN MENGIKUTI PENGAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI LUAR NEGARA

## MAKLUMAT AM

Semua pelajar yang ingin melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah pertama di institusi pengajian tinggi (IPT) luar negara dikehendaki untuk memohon Sijil Sokongan Luar Negara (SSLN) daripada Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi. SSLN hanya akan dikeluarkan kepada pelajar yang memenuhi syarat kelayakan minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk kemasukan ke IPT dalam negeri dan luar negara seperti berikut:

- (i) Tiga (3) Prinsipal B di peringkat STPM tahun 2003 dan berikutnya ATAU tiga (3) Prinsipal C di peringkat STPM tahun 2002 dan sebelumnya; ATAU PNGK 3.00 ATAU kelulusan lain yang diiktiraf setarafnya dengannya oleh Kerajaan Malaysia untuk program pengajian Perubatan dan Pergigian;
- (ii) Dua (2) Prinsipal C di peringkat STPM tahun 2003 dan berikutnya ATAU dua (2) Prinsipal E di peringkat STPM tahun 2002 dan sebelumnya; ATAU PNGK 2.00 ATAU kelulusan yang diiktiraf setarafnya dengannya oleh Kerajaan Malaysia untuk semua program pengajian KECUALI Perubatan dan Pergigian; dan
- (iii) Bagi program ijazah pertama yang mengambil calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mengikuti program asas atau program persediaan, kelayakan minimum untuk semua bidang pengajian KECUALI Perubatan dan Pergigian adalah lima (5) Kepujian dalam mata pelajaran berkaitan. Bagi program Perubatan dan Pergigian pula, syarat kelayakan minimum untuk mengikuti program asas atau pra-perubatan adalah lima (5) Kepujian dengan mendapat sekurang-kurangnya gred 4B dalam mata pelajaran Sains Tulin dan Matematik.

Senarai nama pelajar yang memohon SSLN untuk mengikuti program pengajian perubatan dan pergigian akan dikemukakan ke Majlis Perubatan Malaysia untuk tindakan. SSLN digunakan sebagai dokumen sokongan untuk mendapat visa pelajar (negara yang berkaitan) dan diskaun 50% ke atas pasport (pelajar berumur 21 tahun ke bawah dan mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama sahaja).

Pelajar dinasihatkan memilih IPT yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia bagi mengelakkan sebarang masalah yang timbul setelah pelajar bergraduasi.

Pelajar hendaklah berdaftar dengan pejabat Perwakilan atau Jabatan Penuntut Malaysia (JPM) luar negara agar bantuan dapat diberikan sekiranya berlaku kesulitan/kecemasan.

<b>PERSEDIAAN SEBELUM KE LUAR NEGARA</b>	
Syarat Kelayakan Minimum	Pelajar dikehendaki merujuk ke JPT untuk memastikan pencapaian akademik memenuhi syarat kelayakan minimum yang ditetapkan.

Maklumat IPT luar negara	Maklumat IPT luar negara boleh diperolehi melalui laman web dan Pejabat Perwakilan Tetap negara berkenaan.
Pengiktirafan IPT luar negara	Pelajar perlu merujuk ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menyemak status.
Ejen Penempatan Pelajar	Maklumat lanjut boleh diperolehi dari JPT untuk memastikan kesahihan ejen penempatan pelajar.
Permohonan SSLN	Borang permohonan SSLN boleh diperolehi daripada JPT. Borang yang lengkap diisi bersama dokumen sokongan hendaklah dikemukakan ke JPT untuk diproses.
Permohonan Pasport	Pelajar yang belum memiliki pasport boleh mendapat diskaun 50% dengan mengemukakan SSLN bersama borang permohonan pasport kepada Jabatan Imigresen Malaysia.
Permohonan Visa	Pelajar perlu berurusan dengan Pejabat Perwakilan Tetap negara yang berkaitan bagi mendapatkan visa belajar dengan membawa SSLN.

<b>PANDUAN SEMASA DI LUAR NEGARA</b>	
Pendaftaran di Pejabat Perwakilan Tetap/JPM	Pelajar dinasihatkan berdaftar dengan Pejabat Perwakilan Tetap/JPM di negara tempatan dengan menggunakan borang yang disediakan atau melalui laman web.
Menganggotai Persatuan Pelajar Malaysia	Pelajar digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan oleh persatuan pelajar yang berdaftar dengan Pejabat Perwakilan Tetap/JPM di negara tempatan. Pelajar dinasihati agar tidak melibatkan diri dalam kegiatan yang boleh menjejaskan imej negara.
Isu-isu semasa dalam negara	Pelajar dinasihat supaya sentiasa mendapatkan maklumat terkini mengenai isu-isu semasa yang berlaku.
Tamat belajar	Pelajar di nasihat agar memaklumkan Pejabat Perwakilan Tetap/JPM yang berkaitan setelah tamat pengajian.

## MAKLUMAT LANJUT

1. **Kementerian Pengajian Tinggi**  
**Jabatan Pengajian Tinggi**  
Aras 1-3, Blok E9, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62505 Putrajaya  
(u.p : Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Pembangunan Pelajar)  
Tel. : 03-883 5881/5892  
Faks : 03-88894258  
E-mel : uhejpm@mohe.gov.my  
<http://www.mohe.gov.my>
2. Alamat kedutaan luar negara boleh didapati di alamat <http://www.kln.gov.my>
3. Senarai IPT yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia boleh didapati daripada Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam di alamat <http://www.jpa.gov.my>  
Tel. : 03-8885 3364/59/3360/3361/3363/3365 (Hotline)  
Faks : 03-88892179
4. Senarai JPN luar negara :

**JPM United Kingdom & Eire**  
30-34 Queenborough Terrace  
London W2 3 ST, United Kingdom  
E-mel : [director@masduke.com](mailto:director@masduke.com)  
Tel. : + 44 2079851252  
Faks : + 44 2072215615

**JPM Australia**  
67 Victoria Road  
Bellevue Hill  
NSW 2023, Australia  
E-mel : [director@msdaustralia.org.au](mailto:director@msdaustralia.org.au)  
Tel. : + 612 93277565  
Faks : + 612 93631257

**JPM Indonesia**  
Jl. H.R. Rasuna Said  
Kav. X/6 Kuningan  
Jakarta Selatan, Indonesia  
E-mel : [jpmi2001@cbn.net.id](mailto:jpmi2001@cbn.net.id)  
Tel. : + 622 1 5224947/48  
Faks : + 622 1 5224958

**JPM New Zealand**

No. 10 Washington Avenue  
Brooklyn  
P.O. Box 9422, Wellington  
New Zealand  
E-mel : msdnz101@xtra.co.nz  
Tel. : + 644 3812439  
Faks : + 644 3847339

**JPM Washington D.C**

3516 International Court, N.W  
Washington DC 20008, Amerika Syarikat  
E-mel : jpmwdc@aol.com  
Tel. : + 1 202 572 9714/5/6/7  
Faks : + 1 202 572 9784

**JPM Mesir**

Embassy of Malaysia  
21 El A'nab Street, El Mohandissein Giza  
Arab Republic of Egypt  
E-mel : jpmcairo@gega.net  
Tel. : + 202 7610013/68  
Faks : + 202 7610192

**JPM Chicago**

820 Davis St, Suite 510  
Evanston, IL 60201, Amerika Syarikat  
E-mel : msdchi2001@ameritech.net  
Tel. : + 1 847 3282440/2516/2526  
Faks : + 1 847 3282517

**JPM Los Angeles**

550 South Hope Street  
Suite 400 Los Angeles, CA 90071, Amerika Syarikat  
E-mel : jpmpla@postoffice.pacbell.net  
Tel. : + 1 213 955 0182  
Faks : + 1 213 955 9175

**JPM Kanada**

60, Boteler Street  
Ottawa, Ontario  
Kin 8y7, Kanada  
E-mel : msdcan@globalserve.net  
Tel. : + 1 613 241 1213  
Faks : + 1 213 241 5214

**JPM Washington D.C**

3516 International Court, N.W  
Washington DC 20008, Amerika Syarikat

E-mel : jpmwdc@aol.com  
Tel. : + 1 202 572 9714/5/6/7  
Faks : + 1 202 572 9784

**JPM Jordan**

Embassy of Malaysia  
No. 24, Moh'd Baseem Al-Khammash Street  
Sweifieh, P.O. Box 143310  
Amman 11185 Jordan  
E-mel : jpmjo@yahoo.com  
Tel. : + 962 6 5927766  
Faks : + 962 6 5921880

**Pejabat Konsul Pendidikan Jeddah**

Consulate General Malaysia Jeddah  
Lot 241, Al-Mualiffin Street  
Al-Rehab District  
P.O. Box 593, Jeddah 21421  
Kingdom of Saudi Arabia  
E-mel consul\_edu@awalnet.net.sa  
Tel. : + 966-2-6727740/8019  
Faks : + 966-2-6182028

